

Berita Harian

JUMAAT, 25 OGOS 2017 (3 ZULHIJAH 1438)

SILAT

Gangsa dalam penampilan sulung dua beradik



ADEGAN MEMBERANGSANGKAN: Haziq (kanan dalam kedua gambar) dan adiknya, Hasif, menyajikan rutin mereka semasa bertanding dalam acara seni ganda putera semalam. Mereka memenangi pingat gangsa. Gambar atas ialah dua beradik itu selepas upacara penyampaian pingat. — Foto-foto FAKHRURADZI ISMAIL



MEREKA antara muka baru di temasya Sukan SEA tetapi pasangan pesilat bersaudara, Muhammad Haziq Zainal Abidin dan Nujaid Hasif Zainal Abidin, tidak mengecewakan apabila mereka memenangi pingat gangsa dalam acara seni ganda putera semalam.

Haziq, 19 tahun, dan Hasif, 17 tahun, mencatatkan 544 mata bagi menyumbangkan pingat pertama pasukan silat Singapura di temasya Sukan SEA Kuala Lumpur ini.

Pingat emas dimenangi pesilat tuan rumah, Mohd Taqiyuddin Hamid dan Rosli Mohd Sharif, dengan 582 mata, sementara gandingan Hendy dan Yolla Primadona Jumpul dari Indonesia menang perak.

Haziq dan Hasif, yang sebelum ini pernah memungut pingat gangsa di Kejohanan Pencak Silat Sedunia Ke-17 di

Bali tahun lalu, sekali lagi menunjukkan ketangkasan dan aksi berani di gelanggang seni Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

"Kami gembira dengan pingat gangsa ini tetapi masih kecewa kerana kami rasa kami mampu melakukan lebih baik lagi... seperti yang selalu dilakukan semasa latihan.

"Malangnya, kami berdua tidak mampu menunjukkan prestasi yang lebih baik di dalam gelanggang.

"Bagaimanapun, kami tetap gembira dengan pengalaman yang diperolehi di Sukan SEA ini," kata Haziq, pelajar tahun ketiga jurusan Kejuruteraan Aeroangkasa di Politeknik Temasek.

Hasif, anak keempat daripada enam beradik, mengongsi bahawa beliau tetap dapat merasakan gementar yang dirasakan setiap atlet muda yang bertanding

buat kali pertama di temasya berprestij ini.

"Oleh sebab ini merupakan penampilan pertama kami di Sukan SEA, sedikit sebanyak rasa gugup dan gementar itu ada.

"Sebaik kami melangkah kaki ke gelanggang, ia bagai satu pengalaman yang mengerunkan... dikelilingi sorakan kuat para penyokong dengan setiap perhatian tertumpu kepada kami berdua.

"Saya rasa kami boleh memperbaiki lagi aspek ini... bertenang dan fokus di gelanggang dan memastikan ia selaras dengan tahap fizikal kami semasa bertanding," ujar pelajar Sekolah Sukan Singapura itu.

Pencapaian mereka semalam, kata Hasif, terletak pada hakikat bahawa kedua-dua mereka telah membesar dan

berlatih bersama sejak berkecimpung dalam sukan ini pada 2006.

Lantaran, keserasian tersebut terserlah apabila mereka beraksi bersama di gelanggang khususnya bagi acara seni ganda itu.

"Namun, perjalanan kami masih jauh dalam sukan ini dan kami ingin berlatih dengan lebih gigih lagi agar dapat mencapai kejayaan lebih besar lagi," ujar Hasif lagi.

Di temasya Sukan SEA 2015, gandingan Muhammad Shakir Juanda dan Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin juga telah merangkul pingat gangsa di hadapan penyokong sendiri.

Laporan lanjut Sukan SEA

— Muka 19